

SKM – BSP / e-REG / GP	GP14A: GARIS PANDUAN PEMAKAIAN SEKSYEN 37 AKTA KOPERASI 1993 MENGENAI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN	1 / 3
------------------------	--	-------



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP14A: GARIS PANDUAN PEMAKAIAN SEKSYEN 37 AKTA KOPERASI 1993 MENGENAI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B dan perenggan 37(a) Akta Koperasi 1993 (Akta) untuk memberi kemudahan kepada koperasi yang kawasan operasinya meliputi satu negeri, meliputi dua negeri atau lebih atau meliputi seluruh Malaysia untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan secara anggota individu.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kawasan operasi” ertinya kawasan di mana koperasi ini dibolehkan mendapat anggotanya.

SKM – BSP / e-REG / GP	GP14A: GARIS PANDUAN PEMAKAIAN SEKSYEN 37 AKTA KOPERASI 1993 MENGENAI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN	2 / 3
------------------------	--	-------

LATAR BELAKANG

2. Seksyen 37 Akta menetapkan mana-mana koperasi yang mempunyai kawasan operasi melebihi satu negeri atau seluruh Malaysia hendaklah memperuntukkan mesyuarat agung perwakilan di dalam undang-undang kecilnya.
3. Walau bagaimanapun, seksyen tersebut juga memberi kuasa kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) untuk memberi kelonggaran kepada koperasi untuk tidak mengadakan mesyuarat agung tahunan secara perwakilan.
4. Sejak kebelakangan ini, terdapat rungutan daripada koperasi yang berhasrat untuk mendapatkan anggota dalam kawasan operasi satu negeri tanpa perlu memperuntukkan mesyuarat agung perwakilan dalam undang-undang kecilnya.
5. Garis panduan ini disediakan bagi memberi kelonggaran dan kemudahan kepada koperasi asas untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan secara anggota individu tertakluk kepada syarat dan pertimbangan di Bahagian B.

BAHAGIAN B: ASAS PERTIMBANGAN

6. Suruhanjaya boleh memberi pertimbangan dan kebenaran secara bertulis kepada mana-mana koperasi yang mempunyai kawasan operasi satu negeri, dua negeri atau lebih atau seluruh Malaysia untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan secara anggota individu tertakluk kepada **syarat** berikut:
 - (a) keanggotaan koperasi tidak melebihi 1,000;
 - (b) kawasan operasi meliputi satu negeri atau dua negeri atau lebih di mana keluasan negeri tersebut secara agregat hendaklah tidak melebihi 10,000 km²;

SKM – BSP / e-REG / GP	GP14A: GARIS PANDUAN PEMAKAIAN SEKSYEN 37 AKTA KOPERASI 1993 MENGENAI MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN	3 / 3
------------------------	--	-------

- (c) kumpulan sasar khusus yang keanggotaan terdiri daripada alumni, ahli persatuan, golongan orang kelainan upaya (OKU), koperasi keluarga, kumpulan profesional dan berkemahiran terhad serta kumpulan lain; atau
- (d) apa-apa syarat lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

7. Walau apa pun, syarat di para 6 tidak terpakai sekiranya bilangan anggota koperasi melebihi 1,000 orang dan koperasi hendaklah memperuntukkan mesyuarat agung perwakilan dalam undang-undang kecil koperasi tersebut.

8. Koperasi hendaklah memastikan bahawa peruntukan untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan secara anggota individu dinyatakan dengan jelas dalam undang-undang kecil koperasi berkenaan.

PEMAKAIAN DAN PERMULAAN KUAT KUASA

9. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

10. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai **1 Julai 2015**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1MALAYSIA”

“RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATUK LAMIEN BIN SAWIYO)

Pengerusi Eksekutif

Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 15 Jun 2015